

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 18 JULAI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 12

## Langkah berjimat wajar — Tok Pa

### Langkah berjimat wajar – Tok Pa

**KOTA BHARU** - Pelaksanaan penjimatan dalaman bagi membolehkan perbelanjaan disalurkan kepada rakyat merupakan langkah wajar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, kerajaan akan mengambil langkah penjimatan dengan melihat semula belanja mengurus membabitkan projek pembangunan.

“Bagaimanapun, kerajaan akan meneruskan projek yang sudah bermula. Saya juga sudah berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk membatalkan beberapa projek tertentu yang belum dimulakan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Pasaran Buruh dan Pembentangan Hasil Program Outreach Pemprofilan Pencari Kerja Peringkat Negeri Kelantan 2020 sempena Karnival Kerjaya

Aspirasi Keluarga Malaysia pada Ahad.

Mustapa mengulas mengenai arahan langkah penjimatan dalaman kepada semua kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun persekutuan dan syarikat terhad dengan jaminan (CLBG).

Arahan itu dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia bertajuk ‘Garis panduan penjimatan perbelanjaan awam’ bagi membolehkan perbelanjaan itu disalurkan kepada rakyat.

Pekeliling terbabit ditandatangani Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Seri Asri Hamidon dan berkuat kuasa mulai Jumaat.

Dalam perkembangan berlainan, Mustapa berkata, pasaran buruh negara kini semakin kukuh dan beliau menggalakkan siswazah serta penganggur mengisi kira-kira 420,000 kekosongan pekerjaan.



**Mustapa (tiga dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Jabatan Perangkaan Kelantan, Fareza Mohamed selepas merasmikan Seminar Pasaran Buruh dan Pembentangan Hasil Program Outreach Pemprofilan Pencari Kerja Peringkat Negeri Kelantan 2020 di Kota Bharu pada Ahad.**